

UCAPAN
Y.B DATUK PETER CHIN FAH KUI
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH INDUSTRI KOKO
13 MAC 2009 (JUMAAT) 8.20 MALAM
HOTEL MARRIOT PUTRAJAYA

Y.Berhormat Senator A.Kohilan Pillay,
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi

Y.Bhg Datuk Wira Ismail Saleh
Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Y.Bhg. Tan Sri Abi Musa Asaari,
Pengerusi Lembaga Koko Malaysia

Y.Bhg. Dato' Dr. Azhar Ismail
Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia,

Yang Berusaha Encik Ak Nan Eh Took,
Setiausaha Bahagian Industri Koko & Lada, KPPK

Semua Anggota Kerja Lembaga Koko Malaysia;

Dif-dif Jemputan,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian;

Salam Hormat dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Koko Malaysia kerana sudi menjemput saya ke Majlis Penyampaian Anugerah Industri Koko ini. Saya berasa gembira kerana dapat bersama-sama meraikan majlis ini bersama tuan-tuan dan puan-puan.

2. Anugerah ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memberi pengiktirafan kepada mereka yang menunjukkan prestasi yang baik dan mengharumkan nama industri koko negara. Saya dimaklumkan terdapat 11 kategori yang berjaya menerima anugerah pada malam ini. Antaranya ialah pekebun kecil dan estet, pengilang, usahawan coklat, inovasi dan penjenamaan terbaik. Kepada bakal-bakal penerima anugerah, syabas dan tanniah saya ucapkan. Saya berharap tuan/puan dapat terus berusaha untuk lebih maju bagi memartabatkan industri koko ke tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. industri koko merupakan antara penyumbang utama sektor komoditi Negara iaitu sebanyak RM3.35 bilion pada tahun 2008. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 29% berbanding RM2.59 bilion pada tahun 2007. Namun begitu, saya rasa kurang selesa dengan ketidakseimbangan yang amat ketara di antara pengeluaran dan pengisaran biji koko negara. Hasil dari ketidakseimbangan ini, kita perlu mengimport sebanyak 423,946 tan biji koko bernilai RM3.1 bilion untuk menampung keperluan industri pengisaran koko negara. Jumlah import yang besar ini adalah sesuatu yang menghampakan memandangkan kita pernah mengeluarkan biji koko sebanyak 247,000 tan pada tahun 1990.

4. Lembaga Koko Malaysia telah mensasarkan untuk meningkatkan pengeluaran biji koko negara agar ia dapat menghasilkan kira-kira 60,000 tan setahun bagi memenuhi sekurang-kurang 20% daripada keperluan industri pengisar tempatan menjelang 2020. saya percaya melalui amalan pengurusan ladang yang baik, penggunaan teknologi yang dihasilkan oleh LKM serta memaksimumkan penggunaan tanah dengan tanaman koko, pengeluaran koko akan dapat dipertingkatkan. Klon-klon koko yang rintang penyakit dan serangan serangga yang dihasilkan melalui R&D LKM harus dimanfaatkan sepenuhnya. Untuk ini, pegawai LKM perlu terus gigih untuk memperkenalkan klon-klon ini kepada pekebun. Sekiranya negara dapat mengeluarkan biji koko sebanyak 1.5 tan sehektar serta semua program penambahbaikan yang dirancang berjalan lancar, saya percaya sasaran untuk meningkatkan keluasan tanaman tanaman koko negara kepada 40,000 hektar menjelang tahun 2020 akan tercapai.

Tuan-tuan dan Puan-puan

5. Sepertimana industri komoditi yang lain, harga biji koko juga tertakluk kepada perubahan pasaran dunia. Namun kita masih bernasib baik kerana harga biji koko sepanjang tahun 2008 agak stabil di antara RM6,000 hingga RM 8,000 se tan. Akan tetapi, kita tidak boleh bergantung kepada nasib semata-mata. Bergantung kepada satu jenis komoditi sahaja amat berisiko tidak kira pekebun kecil atau peladang apabila harga komoditi itu jatuh dan berada di paras yang rendah untuk tempoh yang lama. Sebagai satu usaha menambah sumber pendapatan, saya ingin menggalakkan penanaman koko supaya mempelbagaikan tanaman mereka. Tanaman koko merupakan tanaman yang ideal untuk diintegrasikan dengan tanaman lain seperti kelapa dan buah-buahan. Oleh itu saya menasihatkan semua yang terlibat tidak terlalu bergantung kepada satu tanaman sahaja. Saya percaya LKM boleh membantu tuan/puan untuk memilih tanaman yang sesuai untuk diintegrasikan dengan koko.

6. sebagaimana diketahui, fungsi LKM turut merangkumi pembangunan pasaran untuk industri koko sama ada di peringkat domestik atau pasaran antarabangsa. Kajian-kajian pasaran serta usaha untuk menembusi pasaran baru perlu dipergiatkan lagi. Penyertaan dalam eksposisi antarabangsa adalah nyata berkesan kerana ia dapat memberi peluang kepada pihak industri tempatan untuk memperluaskan pasaran produk-produk koko ke luar negara. Bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan dalam eksposisi antarabangsa, saya mencadangkan supaya LKM dapat mencari kaedah yang berkesan untuk menarik minat mereka turut serta didalam program penggalakkan yang dirancang

Tuan-tuan dan Puan-puan

7. Pasaran tempatan merupakan satu lagi pasaran yang amat potensi untuk dimajukan oleh usahawan koko negara. Dengan kadar pengguna kira-kira 600 gram per kapita, usaha yang gigih perlu diteruskan untuk meningkatkan penggunaan koko dalam negara. Program promosi melalui televisyen yang dikenali 'Inspirasi Koko' yang dijalankan oleh LKM amat menarik sekali. Saya difahamkan musin ke-3 program ini telah ditayangkan. Saya berharap LKM dapat menilai keberkesanan program ini bagi merangka strategi seterusnya bagi meningkatkan penggunaan koko dalam negara.

8. LKM, sebagai satu agensi yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah banyak mengeluarkan hasil-hasil kajian sama ada untuk kegunaan sektor hulu atau hiliran bagi produk-produk berasaskan koko. Kerajaan sentiasa menggalakkan supaya hasil kajian ini disalurkan kepada industri dan usahawan koko negara untuk dimanfaatkan. Di sini, saya ingin mengingatkan LKM bahawa R&D yang dijalankan dan hasil yang diperoleh hendaklah sentiasa memenuhi keperluan semasa. Ini termasuk R&D untuk menyelesaikan masalah penyakit tanaman koko serta amalan pertanian yang boleh mengurangkan penggunaan tenaga buruh. Hasil R&D ini pula perlu disampaikan kepada pengguna supaya pengguna diyakini akan keberkesanan hasil R&D tersebut, barulah ia dianggap berjaya. Begitu juga dengan hasil R&D di sektor hiliran, terutama penggunaan coklat untuk produk bukan makanan yang mempunyai pasaran yang tidak terhad. Hasil R&D yang baik perlu mengambil kira *viability* dari segi kos pengeluaran dan juga penerimaan pengguna, bukan sekadar penemuan pada skala makmal. Oleh itu, saya berharap semua saintis di LKM dapat mengembling tenaga dan memberi sumbangan penemuan R&D mereka dalam usaha membangunkan dan memajukan industri koko negara.

9. Sebelum berundur, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada bakal-bakal penerima anugerah dan tanih juga kepada LKM kerana berjaya menganjurkan Anugerah Industri Koko 2008.

Sekian, terima kasih.